

KPPK disahkan miliki ciri keselamatan tinggi

UM 25 JUL 2001
KUALA LUMPUR 24 Julai — Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan (KPPK) yang dilancarkan Anril lalu telah disahkan mempunyai ciri keselamatan tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengesahan itu diberikan oleh sebuah syarikat pengeluar kad pintar terkemuka dunia, Proton World International (PWI) yang berpangkalan di Brussels, Belgium.

“PWI telah memperakui bahawa KPPK selamat kerana mempunyai ciri-ciri keselamatan canggih iaitu nombor pengenalan peribadi (PIN) dan cap jari pemilik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan sijil piawaian kad pintar PWI kepada IRIS Technologies (M) Sdn. Bhd. (IRIS) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi IRIS, Tan Sri Razali Ismail dan Ketua Pengarah JPN, Datuk Azizan Ayob.

Kad pintar keluaran PWI kini diguna oleh dua syarikat kad kredit terkemuka dunia iaitu American Express dan Visa International.

Perdana Menteri menambah, KPPK sekarang mempunyai sembilan aplikasi berbanding empat aplikasi semasa ia dilancar oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Orang ramai boleh mendapatkan KPPK di JPN dengan bayaran RM20.

Perdana Menteri menjelaskan, jumlah aplikasi itu akan ditambah pada masa depan.

Sebanyak 229,000 KPPK telah dikeluarkan oleh JPN sehingga 16 Jun lalu.